

Kandungan

Ms.1 - 'Taskforce COVID-19
Hospital UiTM' Kolaborasi
Mantap Fakulti dan Hospital
UiTM

HOSPITAL UiTM Newsletter

Issue 6/2020

Sidang Redaksi:

Penasihat

Prof Dr. Sazzli Shahlan Kasim - *Pengarah HUiTM*

Dr Liyana Dhamirah Aminuddin - *Ketua Unit Korporat dan Komunikasi*
Dr Masri Muhammed - *Timbalan Ketua Unit Korporat dan Komunikasi*

Sidang Pengarang:

Dr Siti Aisyah Nizar - *Unit Korporat dan Komunikasi*

En Mohd Hafidz Abdul Satar @ Ahmad Sabri - *Unit Korporat dan Komunikasi*

 hospital.uitm.edu.my

 huitm.unitkorporat@uitm.edu.my

 Hospital UiTM

 huitmofficial

 HUiTMOfficial

 HUiTMOfficial

‘Taskforce COVID-19’ Kolaborasi Mantap Fakulti dan Hospital UiTM



Hospital UiTM bersama-sama Fakulti Perubatan dan Pergigian telah mengorak langkah memantapkan tahap kesiapsagaan bagi menghadapi COVID-19 dengan melaksanakan pelbagai inisiatif yang mampu mengurangkan beban kerja yang ditanggung oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sejak pandemik COVID-19 mula melanda negara dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, Taskforce COVID-19 mula digerakkan diperingkat Fakulti Perubatan dan Hospital UiTM.

Jadual operasi taskforce yang juga melibatkan penggembangan tenaga oleh staf pentadbiran ini disusun rapi bagi memastikan keterlibatan staf adalah menyeluruh dan tidak hanya tertumpu dan terbeban kepada sebilangan staf sahaja.

Di bawah seliaan dan penyelarasan yang diketuai oleh Encik Mohd Rizal Nordin (Timbalan Pendaftar Kanan), taskforce ini telah dibahagi kepada lima (5) kumpulan.



Encik Mohd Rizal Nordin
Timbalan Pendaftar Kanan

Taskforce 1 (T1)

Pemeriksaan Saringan

Taskforce 2 (T2)

Pusat Penjagaan Sementara
Kanak-Kanak

Taskforce 3 (T3)

Pentadbiran Am dan Tugas -
Tugas Khas

Taskforce 4 (T4)

Makmal Ujian Sampel COVID-19

Taskforce 5 (T5)

Pembungkusan Ubat Farmasi

Taskforce 1 (T1) Pemeriksaan Saringan

T1 diberi tanggungjawab untuk membuat pemeriksaan suhu badan bagi semua pelawat / staf yang memasuki premis UiTM Kampus Sungai Buloh. Petugas berkhidmat dalam dua shif iaitu bermula jam 7.00 pagi – 2.00 petang dan 2.00 petang – 9.00 malam.



Taskforce 2 (T2) Pusat Jagaan Sementara Kanak-kanak

T2 ditugaskan untuk memberi perkhidmatan penjagaan anak-anak kepada staf yang bertugas di bahagian kritikal seperti bahagian Jabatan Kecemasan dan Jabatan Klinikal.

Perkhidmatan ini khusus disediakan memandangkan tiada kemudahan taska beroperasi sepanjang musim PKP dikuatkuasakan. Petugas berkhidmat dalam dua shif iaitu bermula jam 7.00 pagi – 2.00 petang dan 2.00 petang – 9.00 malam.



Taskforce 3 (T3) Pentadbiran Am dan Tugas-tugas Khas

T3 diberi tugas menjalankan operasi pentadbiran dan pengurusan sumber manusia serta tugas-tugas khas yang penting mengikut keperluan semasa.

Waktu bekerja adalah dari jam 8.00 pagi – 5.00 petang.

Taskforce 4 (T4) Makmal Ujian Sampel COVID-19

T4 bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan ujian makmal sampel COVID-19 yang dijalankan di makmal Institute of Medical Molecular Biotechnology (IMMB).

Waktu bekerja adalah dari jam 8.00 pagi – 5.00 petang.



Umum mengetahui bahawa susulan penularan jangkitan COVID-19 di dalam negara, Hospital Sg Buloh (HSB) telah dijadikan hospital khusus bagi merawat penyakit berjangkit. Susulan daripada itu, PPUiTM telah bekerjasama dengan Hospital Sg Buloh dengan menyediakan perkhidmatan kemasukan wad kepada pesakit awam yang bukan COVID tanpa bayaran caj dikenakan.

Dengan wujudnya Taskforce COVID-19 Hospital UiTM ini, operasi yang berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada warga awam yang datang untuk mendapatkan rawatan dapat diurus dan dijalankan dengan baik tanpa meminggirkan aspek keselamatan yang sentiasa dikawal rapi.


Kerjasama di antara pasukan klinikal dan bukan klinikal dilihat sangat penting bagi memastikan perkhidmatan hospital berjalan dengan lancar. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada ‘Taskforce COVID-19 Hospital UiTM’ atas pengorbanan masa dan tenaga serta komitmen yang berterusan. Terima kasih.



Taskforce 5 (T5) Pembungkusan Ubat Farmasi

T5 memberikan perkhidmatan dalam urusan operasi pra-pembungkusan dan pelabelan ubat-ubatan serta aktiviti serahan ubat kepada pesakit.

Waktu operasi bermula jam 8.00 pagi – 5.00 petang / 8.00 pagi – 8.00 malam (mengikut keperluan semasa)



#UiTMDiHatiku
#COVID19

